

# UniMAP MENERIMA PELAJAR PERTAMA HATYAI UNIVERSITI UNTUK PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR

**28 Nov 2007** - UniMAP telah menerima seorang pelajar daripada Hatyai Univerisiti, Thailand buat julung- julung kalinya pada awal bulan ini iaitu Wachchayan Seppasean, pelajar tahun tiga. Wachchayan ditempatkan di Pusat Teknologi Maklumat, UniMAP di mana beliau menjalani latihan praktikal di jabatan tersebut. Dalam program ini, beliau adalah di bawah penyeliaan

Pengarah Pusat ICT itu sendiri iaitu En. Nasrudin Abdul Shukor dan juga staf- staf lain dari ICT yang mana beliau banyak mempelajari pengoperasian pusat tersebut.

Hal ini memberi banyak faedah kepada beliau, kerana ICT adalah sebuah pusat utama dalam pengoperasian kerja universiti. Wachchayan akan menamatkan latihan praktikal pada akhir Febuari 2008.

